

# CLARITYNE® TABLET

Loratadine (10mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan CLARITYNE TABLET
2. Bagaimana CLARITYNE TABLET berfungsi
3. Sebelum mengambil CLARITYNE TABLET
4. Cara menggunakan CLARITYNE TABLET
5. Semasa menggunakan CLARITYNE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CLARITYNE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan CLARITYNE TABLET

CLARITYNE TABLET melegakan simptom yang berkait dengan rinitis alergi (misalnya, demam jerami), seperti bersin, hidung berhingus atau gatal, dan mata yang terasa pedih atau gatal.

CLARITYNE TABLET boleh juga digunakan untuk melegakan simptom urtikaria (mengurangkan gatal-gatal, merah-merah, bilangan dan saiz gegata).

Simptom-simptom ini dapat dilegakan sepanjang hari untuk membantu anda meneruskan kegiatan sehariannya anda yang biasa dan tidur.

## Bagaimana CLARITYNE TABLET berfungsi

CLARITYNE TABLET tergolong di dalam kelas ubat antihistamina. Ubat antihistamina dapat mengurangkan simptom alergi dengan menyekat kesan sejenis bahan bergelar histamina yang dihasilkan oleh badan.

## Sebelum mengambil TABLET CLARITYNE

**Bila tidak boleh mengambil Jangan makan CLARITYNE TABLET:**  
Jika anda alah (hipersensitif) terhadap *Loratadine* atau mana-mana bahan lain di dalam CLARITYNE TABLET.

**Sebelum mula mengambil**  
Sebelum memakan CLARITYNE TABLET, beritahu doktor atau ahli farmasi:  

- jika anda menghidap penyakit hati.

## Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan

Jika anda hamil, CLARITYNE TABLET tidak disyorkan.  
Jika anda sedang menyusukan anak dengan susu badan, CLARITYNE TABLET tidak disyorkan.  
*Loratadine* dikeluarkan melalui susu badan.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan apa-apa ubat.

## ***Jika mengambil ubat-ubat lain***

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau baru-baru ini telah menggunakan ubat lain, termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

## **Memakan CLARITYNE TABLET berserta makanan dan minuman**

CLARITYNE TABLET boleh dimakan sebelum ataupun selepas makan.

CLARITYNE TABLET belum lagi diperhatikan menambahkan kesan minuman keras.

## Cara menggunakan CLARITYNE TABLET

Makanlah CLARITYNE TABLET tepat-tepat mengikut arahan doktor. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

## **Berapa banyak harus digunakan dan Bila perlu digunakan**

**Pesakit dewasa dan remaja yang melebihi usia 12 tahun:**  
Makan satu tablet sekali sehari dengan segelas air, sebelum ataupun selepas makan.

## **Kanak-kanak antara usia 2 hingga 12 tahun diberikan dos mengikut berat badan:**

**Berat badan melebihi 30 kg:**  
Makan satu tablet sekali sehari dengan segelas air, sebelum ataupun selepas makan.

## **Pesakit yang menghidap penyakit hati yang teruk:**

**Orang dewasa dan kanak-kanak yang mempunyai berat badan melebihi 30 kg:**  
Makan satu tablet sekali setiap selang sehari dengan segelas air, sebelum ataupun selepas makan.

CLARITYNE TABLET tidak disyorkan untuk bayi yang belum mencapai usia 2 tahun.

## **Berapa lama perlu digunakan**

Makanlah CLARITYNE TABLET mengikut arahan doktor.

## ***Jika terlupa menggunakan***

Jika anda terlupa menggunakan ubat ini pada waktu yang sepatutnya, minumlah secepat mungkin, kemudian teruskan dengan jadual waktu dos anda yang biasa. Jangan guna dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa digunakan itu.

## ***Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)***

Makan CLARITYNE TABLET tepat-tepat seperti yang diarahkan. Masalah serius tidak dijangka akan berlaku jika dos yang terlebih telah digunakan. Walau bagaimanapun, jika anda termakan lebih banyak CLARITYNE TABLET daripada yang diarahkan, hubungilah doktor atau ahli farmasi dengan segera. Rasa mengantuk, degupan jantung yang pantas dan sakit kepala pernah dilaporkan berlaku apabila terlebih dos CLARITYNE TABLET digunakan.

# CLARITYNE® TABLET

Loratadine (10mg)

## **Jika anda berhenti menggunakan CLARITYNE TABLET**

Jika anda masih ragu-ragu mengenai penggunaan produk ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi.

## **Semasa menggunakan CLARITYNE TABLET**

### **Perkara yang perlu dilakukan**

#### **Maklumat penting tentang beberapa bahan di dalam CLARITYNE TABLET**

CLARITYNE TABLET mengandungi laktosa, oleh itu jika doktor memberitahu anda bahawa anda tidak dapat menahan sesetengah jenis gula, hubungilah doktor sebelum anda mula menggunakan produk perubatan ini.

### **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

#### **Ujian makmal**

Jika anda akan menjalani ujian kulit untuk mengesan alergi, anda tidak boleh memakan CLARITYNE TABLET selama dua hari sebelum menjalani ujian tersebut, kerana ubat ini boleh mengubah hasil ujian itu.

### **Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan mengendalikan jentera**

Pada dos yang disyorkan, CLARITYNE TABLET tidak dijangka akan membuatkan anda mengantuk atau kurang berwaspada. Walau bagaimanapun, sesetengah orang berasa mengantuk dan ini boleh menjelaskan kemampuan mereka memandu atau mengendalikan jentera. Namun begitu, ini jarang-jarang sekali berlaku.

## **Kesan-sesan sampingan**

Sama seperti semua ubat lain, CLARITYNE TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidaklah semua orang akan mengalaminya.

Antara kesan sampingan yang paling lazim dilaporkan berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang berusia antara 2 hingga 12 tahun ialah sakit kepala, gementar dan rasa penat. Antara kesan sampingan yang paling

lazim dilaporkan berlaku dalam kalangan orang dewasa dan remaja ialah mengantuk, sakit kepala, lebih berselera makan dan sukar tidur.

Semasa memasarkan CLARITYNE TABLET, kes berlakunya tindak balas alergi yang teruk, pening, degupan jantung yang tidak sekata atau pantas, loya (mual), mulut kering, sakit perut, masalah hati, rambut gugur, ruam dan rasa penat pernah tetapi sangat jarang-jarang dilaporkan. Kekerapan berlakunya tindak balas ini tidak dapat ditentukan.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*)

## **Cara penyimpanan dan pelupusan CLARITYNE TABLET**

### **Penyimpanan**

- Simpanlah pada suhu yang kurang daripada 30°C. Tablet di dalam papan lepuh hendaklah dilindungi daripada keadaan yang terlalu lembap.
- Jauhkan daripada kanak-kanak.
- Jangan makan CLARITYNE TABLET selepas tarikh tamat tempoh yang tertera pada papan lepuhnya selepas EX (atau EXP). Tarikh tamat tempoh ini merujuk kepada hari terakhir pada bulan yang dinyatakan itu.
- Jangan makan CLARITYNE TABLET jika anda dapat perubahan pada rupa tablet ini.

### **Pelupusan**

- Jangan buang ubat bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanyalah ahli farmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi.

Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### **Rupa dan warna produk**

CLARITYNE TABLET: Tablet berbentuk bujur dan berwarna keputih-putihan. Tanda dagang Schering, garis dan “10” kelihatan pada sebelah tablet manakala yang sebelah lagi kosong. Disediakan di dalam papan lebuh berisi 10 tablet, 10 X 10 tablet dan 50 x 10 tablet

Mungkin bukan semua saiz pek ini dipasarkan.

### **Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif: *Loratadine 10 mg.*

Bahan tidak aktif: *Kanji jagung, lactose dan magnesium stearate.*

### **Nombor MAL**

MAL19890576A (Sumber Belgium)

MAL10070583AS (Sumber Indonesia)

### **Pengilang:**

#### **Sumber Belgium**

Schering-Plough Labo NV,  
Industriepark, 30  
B-2220 Heist-op-den-Berg,  
Belgium

#### **Sumber Indonesia**

PT. MERCK SHARP DOHME  
PHARMA Tbk  
Jl. Raya Pandaan Km. 48,  
Pandaan, Pasuruan, Jawa Timur,  
Indonesia

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Merck Sharp & Dohme (Malaysia)  
Sdn. Bhd.  
T2-9, Jaya 33, No. 3 (Lot 33),  
Jalan Semangat, Seksyen 13,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

27/11/2013 (versi 092012)